

08 SEP 1996

Mahathir-Umno

MAHATHIR ALU-ALUKAN PEMBATALAN HADIRI MAJLIS

KUALA LUMPUR, 8 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyambut baik tindakan menteri-menteri dan timbalan menteri UMNO yang memutuskan untuk tidak menghadiri atau menanggungkan majlis perasmian yang boleh disalahtafsirkan sebagai berkempen bagi pemilihan parti Oktober depan.

Presiden UMNO itu berkata majlis-majlis yang tidak berapa penting boleh ditanggungkan dahulu sehinggalah pemilihan parti selesai.

"Mereka membatalkan kehadiran mereka di majlis-majlis yang boleh disalahtafsirkan sebagai berkempen, tetapi acara-acara lain boleh diteruskan, mereka perlu menandatangani kertas itu dan ini," katanya kepada pemberita selepas mencuba sistem rel ringan (LRT) dari stesen Sultan Ismail ke Ampang dekat sini.

Dr Mahathir diminta mengulas langkah beberapa menteri dan timbalan menteri UMNO yang membatalkan kehadiran mereka di beberapa majlis semalam selepas Majlis Tertinggi UMNO menasihatkan anggota parti yang memegang jawatan kerajaan agar tidak menghadiri mana-mana majlis yang boleh disalahtafsir sebagai berkempen.

Ketika diminta menerangkan mengenai majlis-majlis yang tidak berapa penting itu, Dr Mahathir berkata majlis-majlis seperti rapat umum, sambutan Hari Peneroka dan Hari Peladang yang jadualnya telahpun ditetapkan.

Majlis-majlis seperti itu, katanya walaupun tidak diadakan, tidak akan menjejaskan urusan pentadbiran kerajaan kerana ianya tidak berapa penting tetapi lebih merupakan sebagai usaha untuk menaikkan semangat rakyat sahaja.

Semalam beberapa majlis perasmian yang membabitkan menteri dan timbalan menteri UMNO dikatakan telah ditanggungkan setelah mereka yang akan bertanding pada pemilihan parti nanti tidak hadir dan sesetengahnya telah menghantar wakil sahaja.

Dr Mahathir juga berkata UMNO sedang menyemak senarai perwakilan yang akan menghadiri perhimpunan agung UMNO akan datang bagi memastikan tiada perwakilan yang telah diisytiharkan muflis menyertainya.

Ini kerana kehadiran perwakilan yang telah diisytiharkan muflis di perhimpunan agung itu akan menimbulkan implikasi undang-undang.

Dr Mahathir berkata Umno terpaksa membelanjakan sekitar RM20,000 setiap kali ibu pejabat parti membuat semakan dengan Amanah Raya Berhad untuk mendapat maklumat mengenai mereka kerana bahagian-bahagian UMNO tidak mampu berbuat demikian.-- BERNAMA

AFY OBA